

24 SEP 2003

MAHATHIR-SWEDEN

MALAYSIA MAHU PELAJARI DAYA SAING BARANGAN SWEDEN

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 24 Sept (Bernama) -- Malaysia berminat mengambil contoh daripada kemampuan syarikat Sweden untuk mengeluarkan barangan bermutu dan mempunyai daya saing yang tinggi di pasaran global, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil memberi contoh teknologi automotif negara itu yang mempunyai input kejuruteraan yang tinggi, beliau berkata walaupun Sweden sebuah negara kecil dari segi jumlah penduduk iaitu 8.9 juta orang, mereka mempunyai taraf hidup yang tinggi yang diasaskan kepada pengeluaran barangan bermutu.

"Mereka mempunyai falsafah yang menerima hakikat bahawa mereka sebuah negara kecil tetapi perlu bersaing di pasaran dunia dengan kualiti barangan yang mereka keluarkan.

Ini satu pendekatan yang kita harus beri perhatian kerana kalau kita juga dapat mengeluarkan barangan yang mempunyai kualiti bertaraf dunia, pasaran kita juga jadi besar," katanya.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita sebelum berlepas ke New York pada akhir lawatan tiga hari beliau ke negara Eropah utara ini.

Dr Mahathir berkata Sweden juga maju dalam bidang penyelidikan dan pembangunan terutamanya yang tertumpu kepada sains perubatan seperti yang dilakukan di Karolinska Institute, sebuah institusi penyelidikan perubatan terkemuka di Sweden.

Dr Mahathir, yang melawat institut yang bertanggungjawab dalam memilih penerima Anugerah Nobel bagi kategori fisiologi atau perubatan, berkata penyelidikan di Karolinska Institute juga merupakan keluaran yang boleh dipasarkan.

"Dalam Karolinska mereka mendapat bantuan kerajaan dan juga swasta untuk membuat kajian supaya akhirnya ia dapat dipasarkan. Kita berhajat untuk mengadakan kerjasama dengan mereka," kata beliau.

Beliau berkata perkembangan penyelidikan dan pembangunan di Malaysia bergantung kepada kemampuan kewangan. Kerajaan bagaimanapun komited untuk membangunkan aspek ini terutamanya bagi bidang yang menjadi keutamaan, iaitu pengeluaran barangan bermutu dan mempunyai daya saing tinggi.

Mengenai lawatan beliau ke Kompleks Ericsson pada petang Selasa, Dr Mahathir berkata beliau telah mendengar taklimat mengenai pengintegrasian sistem komunikasi antara pasukan keselamatan di Sweden.

"Mereka berkata jika tiada integrasi, maka akan timbul keadaan seperti di Pusat Dagangan Dunia di New York yang mana semasa bangunan itu hampir runtuh (dalam peristiwa 11 Sept), polis cuba menghubungi bomba dalam bangunan itu supaya mereka keluar.

"Tapi mereka tak dapat berhubung dan sebab itu lebih 100 anggota bomba terbunuh (apabila bangunan itu runtuh). Oleh itu mereka (Ericsson) cadang supaya komunikasi antara pasukan ini diintegrasikan dan ini sedang dibuat di Sweden," kata beliau.

Mengenai keraguan operator telekomunikasi di Malaysia untuk mendapatkan lesen komunikasi 3G, Dr Mahathir berkata ia disebabkan pengalaman di negara luar yang mendapati syarikat yang membeli lesen 3G mengalami kerugian.

"Walaupun kebolehan 3G ini begitu canggih tetapi ia tidaklah sebegitu baik seperti yang dijangka. Jadi kita terpaksa tunggu dan lihat apa yang berlaku.

Sebenarnya terdapat tiga atau empat syarikat gergasi di Eropah yang rugi kerana membeli lesen 3G dengan harga yang terlalu mahal," kata beliau.

Mengenai pertemuan beliau dengan pemimpin syarikat swasta di Sweden, Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat berkenaan telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia.

"Mereka juga berminat melabur di Malaysia dan mereka juga mempromosikan barangan mereka dalam bidang elektronik, janakuasa dan juga dalam bidang penyelidikan," kata beliau.

Menyentuh hubungan dua hala dengan Sweden, Perdana Menteri berkata: "Kita tak ada apa masalah dengan Sweden, kita punya pandangan mengenai dunia pun lebih kurang sama... mereka mempunyai ideologi sosialis tapi ini tak jadi masalah dalam hubungan dua antara kita dengan mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

JS HK ROS NHD